



JABATAN PERTANIAN

KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal untuk membuat tawaran bagi perolehan bekalan berikut:

No. Tawaran	Tajuk Projek/Pembekalan/ Perkhidmatan	Kelas Pendaftaran Bidang Bekalan/ Perkhidmatan
JPTN ARC 300- 1/26/14	Membekal, Menghantar Dan Mentauliah Peralatan- Peralatan Makmal Dengan Kelengkapan Untuk Projek Pembangunan Teknologi Varieti Dan Pengurusan Tanaman Padi Di Pusat Penyelidikan Pertanian Tuaran	Berdaftar Dengan PUKONSA Kepala & Subkepala 100200

1. Dokumen sebutharga akan dijual bermula tarikh **02/09/2026 sehingga 14/09/2026** jam **8.00 pagi hingga 04.30 Petang (Isnin – Jumaat)** dengan harga **RM10.00** senaskah pada waktu pejabat di **Pejabat Am, Pusat Penyelidikan Pertanian Tuaran**.
2. Dokumen sebutharga hanya akan dijual kepada pembekal atau wakil-wakil pembekal kontraktor yang sah sahaja. Dokumen-dokumen berikut yang masih SAH tempoh pendaftaran pada tarikh tutup sebut harga, adalah WAJIB dikemukakan semasa membeli Dokumen Sebut Harga :-
 - 1.1 Sijil ASAL PUKONSA & Salinan Sijil PUKONSA yang belum disahkan.
 - 1.2 Sijil ASAL Taraf BUMIPUTERA yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat/Kementerian Pelajaran dan Inovasi dan salinan sijil Taraf BUMIPUTERA yang belum disahkan jika ada.
3. Pemilik sijil PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baru/Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan Resit ASAL Penjelasan Pembayaran Kelulusan.
4. Dokumen sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditanda pada bahagian atas sampul surat itu dengan Tajuk Sebutharga dan Nombor Sebutharga sebelum **Jam 10.00 pagi pada 15/09/2026** dan di alamatkan kepada:

PUSAT PENYELIDIKAN PERTANIAN TUARAN

5. Dokumen Sebutharga hendaklah dihantar melalui pos atau dimasukkan terus ke dalam peti sebutharga beralamat di **Pusat Penyelidikan Pertanian Tuaran**
6. Dokumen sebutharga yang lewat diterima pada waktu ditetapkan di atas akan ditolak.
7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

PUSAT PENYELIDIKAN PERTANIAN TUARAN
PETI SURAT 3, 89207 TUARAN